

HUBUNGI SKUAD TEMERLOH: ROSILAWATI ROSEDI - 019-9886381 / 019-9882695

Koperasi sebagai rakan strategik

Pastikan tidak wujud saingan antara rakan koperasi

ROSilAWATI ROSEDI

LIPIS

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meminta anak syarikat yang ditubuhkan oleh agensi kerajaan menjadi rakan strategik kepada koperasi di negara ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah memberitahu, kewujudan anak syarikat terbabit dilihat memberikan kesan kepada koperasi.

"Kita menyarankan agensi kerajaan yang

mempunyai kepentingan atas koperasi di bawah inisiatif atau tajaan agensi masing-masing memastikan tidak wujud saingan di antara koperasi dan anak-anak syarikat yang ditubuhkan.

"Sebaliknya jadikan koperasi yang ada sebagai rakan strategik kepada anak-anak syarikat yang ditubuhkan.

"Ini untuk mengelakkan kepentingan konflik antara dua pihak kerana jika ia berlaku, matlamat untuk memberikan manfaat kepada dua-dua pihak tidak tercapai," katanya.

Beliau ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Kali ke-32, Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lipis di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Lipis, semalam.

Hadir sama, Exco Jawatankuasa Felde,



Abdul Fattah (kiri) bersama Nazri yang mewakili menteri besar dalam mesyuarat tersebut.

Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Datuk Nazri Ngah yang mewakili Menteri Besar, Datuk Wan Rosdy Wan Ismail yang menyempurnakan majlis perasmian mesyuarat

tersebut.

Lebih 300 ahli menghadiri mesyuarat berkenaan.

Sementara itu, Abdul Fattah memberitahu, peranan Malaysia turut mendapat perhatian dalam

kalangan koperasi di rantau Asean kerana

gerakan koperasi di negara ini lebih baik dengan struktur dan pembangunan yang lebih komprehensif.

"Baru-baru ini pada

seminar anjuran Perikatan Koperasi-Koperasi Rantau Asean di Bangkok.

"Mereka meminta bantuan antaranya proses pembungkusan dan penjenamaan produk yang sudah kita sudah lakukan.

"Hasil pembentangan kita juga akan mencari jalan untuk meningkatkan jualan koperasi-koperasi di rantau Asean," katanya.

Beliau berharap negara terbabit mengambil daya inisiatif berbincang dengan kerajaan masing-masing supaya aktiviti perdagangan dapat dijalankan dengan lebih mudah.

"Antaranya dengan peraturan di pihak kastam negara berkenaan dapat dipermudahkan," katanya.

Setakat ini terdapat kira-kira 60 juta ahli melibatkan lebih 250 koperasi di rantau Asean membabitkan 10 negara.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA